

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Oktober/November 1991

PLG 419 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan

Masa : [2 jam]

Jawab EMPAT soalan semuanya.

Soalan #1 MESTI dijawab. Pilih tiga soalan yang lain.

1. Berdasarkan rancangan harian anda dengan peruntukan masa selama 80 minit, anda dikehendaki mengajar peringkat asas simpankira. Dengan keadaan yang sedemikian beberapa prinsip, petua, cara, dan istilah akan disampaikan sesuai dengan kehendak KBSM agar kekesanan pengajaran dan pembelajaran mencapai ke tahap yang diharapkan.

Untuk memudahkan perbincangan anda, gunakan rekod urusniaga yang tercatat di bawah ini.

1 Mac Jammy memulakan perniagaan dengan harta dan tanggungan berikut sebagai modalnya:

Wang tunai di bank	\$5,600.00
Alat pejabat	400.00
Motor Van	6,700.00
Siberhutang: Peter	500.00
Sipiutang: Joseph	700.00
3 Mac bayar dengan cek bagi belian rak-rak	300.00
7 Mac jual alat-alat pejabat lama kepada Rahim dengan kredit	100.00
10 Mac tukar cek untuk kegunaan sendiri	200.00

- a) Rekodkan urusniaga yang tecatat di atas ke dalam Jurnal Am dan ke dalam buku lejar dengan catatan bergu.

(10 markah)

- b) Nyatakan istilah-istilah yang perlu benar-benar difahami oleh pelajar-pelajar anda agar ianya dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang lain atau pada situasi yang lain.

(10 markah)

...2/-

- c) Bincangkan kriteria-kriteria dalam pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran agar pelajar-pelajar anda mencapai kemahiran mencatat urusniaga tersebut ke dalam Jurnal Am dan ke dalam buku lejar dengan catatan bergu.

(10 markah)

- d) Nyatakan dan huraikan dengan jelas cara-cara yang boleh anda laksanakan agar daya ingatan pelajar-pelajar anda tentang kemahiran yang dipelajari ini dapat dipertingkatkan.

(10 markah)

2. a) Masukkan rekod urusniaga berikut ke dalam jurnal belian dan bukukan ke dalam lejar dengan catatan bergu

(6 markah)

Jan 4	Belian barang-barang dengan kredit daripada S.Tan bernilai	\$510.00
7	Belian daripada A. Merican barang-barang bernilai dan diberikan 15% potongan perniagaan atas bil	\$400.00
16	Beli barang-barang dengan kredit daripada S.Tan bernilai dan potongan perniagaan yang diterima daripadanya ialah 12%	\$1000.00
29	Belian barang-barang kredit daripada Ahmad Ismail bernilai	\$375.00

- b) Sila nyatakan contoh-contoh yang daripada permasalahan di atas dalam hal melaksanakan integrasi antara mata-pelajaran pada aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang anda pilih/laksanakan.

(7 markah)

- c) Berdasarkan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, bagaimanakah anda menerapkan pengetahuan tentang keusahawasan kepada pelajar-pelajar anda?

(7 markah)

3. Semua calon yang mengambil matapelajaran Kemahiran Hidup diwajibkan menjalani Kerja Kursus/Projek di sekolah masing-masing. Tugasan kerja kursus di buat oleh pelajar-pelajar sendiri samada individu atau secara kumpulan.
- a) Nyatakan dengan ringkas lima cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan sesuatu penilaian kerja kursus/projek Kemahiran Manipulatif. (5 markah)
- b) Apakah peraturan-peraturan am kerja kursus yang seharusnya dilaksanakan oleh guru bersesuaian dengan kehendak Kementerian Pendidikan? (5 markah)
- c) Bincangkan dan beri saranan yang sesuai sebagai panduan kepada guru-guru dalam melaksanakan penilaian kerjakursus. (10 markah)
4. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah guru-guru matapelajaran perdagangan berkehendakkan pelajar-pelajarnya berkebolehan dan "mahir belajar".
- a) Apakah ciri-ciri yang dapat dikenalpasti bahawa pelajar-pelajar anda "mahir belajar"? (6 markah)
- b) Kemukakan lima strategi yang anda fikirkan sesuai untuk melatih pelajar-pelajar anda "mahir belajar". (7 markah)
- c) Daripada lima strategi yang anda nyatakan di atas, bincangkan satu daripada strategi tersebut agar iaanya sesuai untuk sesuatu tajuk matapelajaran perdagangan yang anda sampaikan. (7 markah)
5. Keusahawanan adalah tajuk utama yang diberi penekanan dalam sukatan pelajaran matapelajaran "perdagangan" masakini.
- a) Nyata dan bincangkan konsep-konsep utama yang perlu sentiasa dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan. Perbincangan anda seharusnya merangkumi nilai-nilai dan sikap yang seharusnya ada pada seseorang usahawan. Bincangkan juga peranan yang boleh dimainkan oleh seseorang usahawan untuk kesejahteraan bangsa dan negara sesuai dengan wawasan 2020. (10 markah)

...4/-

- b) Sebagai salah seorang daripada guru matapelajaran ini, beri pendapat anda tentang apakah prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilaksanakan oleh guru untuk menghasilkan pelajaran yang benar-benar berjaya.
- (10 markah)
6. Sebagai salah seorang guru yang ditugaskan mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup di sebuah sekolah menengah, anda juga ditugaskan mengajar di bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif. Dengan keadaan yang demikian aspek-aspek keselamatan perlulah diberi perhatian yang sewajarnya.
- a) Sediakan satu peraturan am yang semestinya dipatuhi oleh pelajar-pelajar anda semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti amali di bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif.
- (6 markah)
- b) Bincangkan kemungkinan masalah-masalah yang akan anda hadapi dalam hal melaksanakan pengurusan bengkel-bengkel Kemahiran Manipulatif.
- (7 markah)
- c) Kemukakkan saranan-saranan yang sesuai untuk tujuan menyelesaikan masalah-masalah pengurusan bengkel sepertimana yang anda nyatakan di atas.
- (7 markah)

- 0000000 -